


DIGITAL GOVERNMENT STRATEGY

2015 - 2020
BRUNEI DARUSSALAM



TITAH


Petikan titah

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

“Di antara usaha pengukuhan itu, termasuklah memperkasa sektor awam, dengan menjadikannya lebih berkesan dan berkualiti di dalam perkhidmatan untuk orang ramai. Demikian juga, ia sangat diperlukan untuk merangsang iklim perniagaan dan perekonomian yang lebih kondusif.”

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Majlis Perlancaran Majlis Mesyuarat Negara Ke-11

**Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-11
bagi Majlis Mesyuarat Negara
14 Jamadilawal 1436/5 Mac 2015**



PRAKATA



**YANG BERHORMAT PEHIN DATU SINGAMANTERI COLONEL (RTD)
DATU SERI SETIA (DR) AWG. HAJI MOHAMMAD YASMIN BIN HAJI UMAR**

**MENTERI TENAGA DI JABATAN PERDANA MENTERI SELAKU PENGERUSI FO-
RUM KEPIMPINAN E-KERAJAAN (EGLF)**

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) adalah, dan terus menjadi, pemboleh utama dalam proses penambahbaikan berterusan kerajaan dan perkhidmatannya. Setakat ini, kerajaan kita telah melaksanakan tiga Pelan Strategik e-Kerajaan yang pertama kalinya dilancarkan pada 2001, dan kemudian, setiap satunya dikaji dan dikemaskinikan pada 2005 dan 2009. Pelan-pelan ini berfokus mengenai memacu penggunaan ICT dalam kerajaan, dan telah mengubah cara kita berkomunikasi dan menyediakan perkhidmatan serta memantau perlaksanaan prasarana dan perkhidmatan terpusat penting kerajaan.

Untuk bergerak ke hadapan, penting bagi kerajaan untuk terus memaju dan menerapkan teknologi pada semua peringkat. Dengan ini, saya ingin menekankan komitmen kita ke arah penggunaan teknologi dengan pemfokusan semula dan memperluaskan usaha melangkaui e-Kerajaan ke arah sebuah Kerajaan Digital.

Strategi Kerajaan Digital 2015-2020 ini dipacu untuk menyokong visi negara, iaitu Wawasan 2035. Kita akan mengambil pendekatan keseluruhan kerajaan (*a-whole-of-government approach*) ke arah peruntukan perkhidmatan dan inovasi, menerajui transformasi digital kerajaan agar perkhidmatan menjadi lebih mudah, cepat dan boleh diakses. Kita akan memperjuangkan pembentukan perkhidmatan yang mesra pelanggan untuk mempertingkatkan kemudahan, dan akan menggalakkan agensi-agensi untuk menyusun semula urusan mereka bagi memanfaatkan ICT sepenuhnya bagi mengoptimumkan proses dengan mengambil kira keperluan untuk meningkatkan kerjasama merentasi pelbagai agensi. Ini memerlukan pemupukan penetapan minda berfiikir maju ke hadapan yang akan membantu mempercepatkan proses terima pakai, dan meningkatkan kecekapan pegawai-pegawai kerajaan kita.

Strategi Kerajaan Digital juga memberi kita peluang yang tepat untuk menjalankan penilaian semula terhadap prasarana dan sistem yang sedia ada. Kita perlu memastikan prasarana dan sistem ini sentiasa kemas kini, dan digunakan sepenuhnya dengan efektif. Selain itu, data dan maklumat merupakan blok binaan yang penting dalam proses pembuatan keputusan. Maka, kita perlu membangunkan keupayaan dan teknologi kita agar data kerajaan boleh digunakan, dan mengumpul maklumat berguna yang akan membantu kita membuat keputusan berdasarkan maklumat.

Kesimpulannya, saya ingin menggesa semua pihak berkepentingan untuk menerima pakai dan menyesuaikan set minda untuk mencapai matlamat kerajaan digital. Dalam konteks ini, semua agensi kerajaan perlu mengambil peranan utama terhadap perkhidmatan ini.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penyediaan dokumen ini termasuk semua pemimpin kementerian, ketua-ketua pegawai maklumat (CIO), Ketua-ketua pegawai teknologi (CTO) dan wakil-wakil mereka atas komitmen dan sumbangan mereka.



Kandungan

TITAH	i
PRAKATA	iii
PEMACU	1
VISI	3
MISI	3
BIDANG YANG DIFOKUSKAN	4
PROGRAM	6
PENGHARGAAN	10



WAWASAN 2035

Strategi Kerajaan Digital 2015-2020 ini dipacu oleh Wawasan 2035, dan menjelang 2035, kita berhasrat untuk melihat Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia kerana:

- » Pencapaian rakyat yang berpendidikan tinggi
- » Kualiti hidup
- » Ekonomi yang dinamik dan mampan


Teknologi maklumat merupakan pemboleh bagi negara untuk mencapai Wawasan 2035. Misi dan bidang yang difokuskan adalah berdasarkan matlamat Wawasan 2035, dan program diselaraskan agar menyokong aktiviti negara dalam usaha menuju ke arah matlamat ini.

PERALIHAN KE ARAH KERAJAAN DIGITAL

PERKARA DALAMAN YANG DIHADAPI OLEH KERAJAAN

2015 & Seterusnya

Alat	Pengoptimuran aset digital bagi menangani pelaburan yang berbaloi dengan harga, dan memaksimumkan pulangan pelaburan. Pendekatan keseluruhan kerajaan dalam mengembangmajukan alat dan sistem.	Orang ramai berhadapan dengan perkhidmatan yang memfokuskan pada kemudahan penggunaan dan pengalaman pengguna yang konsisten. Perkhidmatan yang bersifat peribadi untuk orang ramai dan pihak berkepentingan yang lain. Mempertingkatkan keyakinan orang ramai mengenai e-perkhidmatan dengan memastikan sistem kerajaan adalah mantap, tersedia dan selamat.
Proses	Kerjasama keseluruhan kerajaan melalui penyelarasan proses perniagaan. Membolehkan peningkatan produktiviti sektor awam melalui ketelusan proses dan kebertanggungjawaban. Keselamatan Siber Kebangsaan dipertingkatkan	Mekanisme untuk menggalakkan komunikasi dua hala berstruktur antara Kerajaan dan pihak berkepentingan.
Orang Awam	Meneruskan program pembangunan kapasiti bagi meningkatkan kepakaran ICT sektor awam. Mengubah program untuk memaksimumkan penerimapan e-perkhidmatan dan sistem oleh perkhidmatan awam	Promosi yang berkesan untuk meningkatkan kesedaran dan penerimapan e-perkhidmatan oleh orang ramai.
Data	Menggunakan data dan analitik untuk membantu kerajaan dalam pembuatan keputusan.	Memperjuangkan penggunaan Data Terbuka untuk memacu inovasi.
Perkara dalaman yang dihadapi oleh kerajaan		Perkara luaran yang dihadapi oleh kerajaan



VISI

KERAJAAN DIGITAL UNTUK MENCAPAI WAWASAN 2035

Teknologi terus berkembang dengan sangat pesat. Meskipun kerajaan pantas menerima pakai alat-alat baharu dalam pelbagai proses urusan semasa, sangat penting bagi kita untuk terus menganalisis kemungkinan terdapat sebarang perubahan yang dibawa oleh teknologi baharu ini.

Visi menggambarkan peluang tanpa had yang dicipta oleh teknologi. Kerajaan digital bukan setakat mencakupi inisiatif bahawa teknologi digunakan sebagai alat, tetapi juga memaparkan dialog, interaksi, dan pemerkasaan kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan. Selaku sebuah kerajaan digital, kita akan terus mempersoalkan tentang status quo, dan mencabar kaedah konvensional yang kita gunakan untuk menjalankan aktiviti bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan.

Dengan berbuat demikian, kita berhasrat untuk menyediakan negara dengan alat dan keupayaan untuk mencapai pembangunan negara yang mampan. Kita mesti sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan, keberkesanan, kualiti dan kebolehaksesan maklumat dan perkhidmatan yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan sosial, selain melindungi alam sekitar.

MISI

Untuk Menerajui Transformasi Digital dan Menjadikan Perkhidmatan Kerajaan Lebih Mudah, Cepat dan Senang Diakses

Untuk menyokong kecekapan dan kerjasama yang lebih baik, dan untuk meningkatkan pengalaman pihak-pihak berkepentingan, maka proses dan perkhidmatan kerajaan memerlukan transformasi dan penambahbaikan yang berterusan. Teknologi maklumat membolehkan saluran maklumat yang lancar dalam kerajaan, orang ramai dan perniagaan yang akan memberikan ketelusan dan pandangan yang berguna bagi proses pembuatan keputusan berdasarkan maklumat.

BIDANG YANG DIFOKUSKAN



Untuk merealisasikan visi, dan untuk mencapai misi, enam bidang yang difokuskan telah dikenal pasti.

FOKUS	HURAIAN
INOVASI PERKHIDMATAN	Dengan pertambahan masyarakat yang semakin canggih dan dinamik, agensi kerajaan perlu membangunkan beberapa kaedah inovatif dan baharu untuk menyalurkan pelbagai perkhidmatan kepada orang ramai dan urusan dengan akauntabiliti dan ketelusan yang lebih tinggi.
KERJASAMA & INTEGRASI	Agenzi-agensi kerajaan dikehendaki untuk bekerjasama dalam menghadapi persekitaran yang semakin kompleks. Pendekatan keseluruhan kerajaan diperlukan untuk meningkatkan kerjasama dan integrasi dalam proses urusan kerajaan.
KEUPAYAAN & PENETAPAN MINDA	Orang ramai akan kekal penting kepada perlaksanaan sebarang teknologi yang berjaya. Penting untuk memupuk set minda berfikir maju ke hadapan dan budaya kerjasama. Ini akan membantu meningkatkan ke pantasan proses penerimaan sistem baharu, kadar penggunaan sistem dan kecekapan pegawai kerajaan.
PENGOPTIMUMAN	Untuk mengikuti kemajuan teknologi yang pesat, kerajaan telah melaksanakan pelbagai sistem dan platform IT. Untuk bergerak ke hadapan, kerajaan perlu mengoptimumkan penggunaan pelbagai aset digital bagi memastikan keberkesanan, mengurangkan kelewahan dan memaksimumkan nilai yang berbaloi dengan harga.
KESELAMATAN	Selepas pelan strategik yang lepas 2009-2014, keselamatan akan tetap menjadi bidang fokus utama. Kerajaan perlu mengekalkan kesedaran tentang situasi aset digital dan persekitaran pada setiap masa. Langkah-langkah yang bersesuaian akan diambil bagi mengurangkan risiko dan meningkatkan keupayaan untuk merespons insiden siber dengan berkesan.
PENGURUSAN MAKLUMAT	Kini, dengan ekonomi berasaskan pengetahuan, maklumat merupakan blok binaan yang penting yang boleh memajukan sesebuah negara. Penting untuk kerajaan menguruskan ledakan data dengan melaksanakan penstrukturran, pencerahan dan tadbir urus aset maklumat yang kemudiannya boleh digunakan untuk menjana kefahaman mendalam yang boleh membantu proses pembuatan keputusan.

PROGRAM

Enam program telah dikenal pasti untuk merealisasikan visi, dan untuk mencapai Strategi Kerajaan Digital Negara Brunei Darussalam 2015-2020



MENGUKUHKAN KESELAMATAN

Huraian

Program ini akan membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Keselamatan Siber Kebangsaan bagi menangani risiko siber, dan menyediakan platform digital yang berdaya tahan dan boleh dipercayai yang memaksimumkan potensi penuh ruang digital.

Output

- » Satu pendekatan bersepadu oleh semua sektor ke arah keselamatan siber kebangsaan.

Wawasan 2035 Hasil yang diingini

- » Mendukung kedaulatan dan kestabilan

Wawasan 2035 Bidang Utama

- » Menjadi sebuah negara yang paling selamat di dunia

MENINGKATKAN PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Huraian

Program ini berfokus mengenai membina platform dan melaksanakan pelbagai langkah bagi meningkatkan komunikasi dua hala antara kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan, bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan kerajaan, membantu merangka beberapa inisiatif baharu, dan menangani kebimbangan orang ramai.

Output

- » Platform baharu untuk penglibatan pihak-pihak berkepentingan
- » Rangka Kerja Tadbir Urus bagi mengurus penglibatan pihak berkepentingan

Wawasan 2035 Hasil yang diingini

- » Masyarakat yang berdaya tahan dan bersepadu

Wawasan 2035 Bidang Utama

- » Keselamatan masyarakat yang mempertingkatkan kemandirian
- » Keharmonian masyarakat melalui perpaduan dan penyertaan komuniti.

MEMAJUKAN PERKHIDMATAN DIGITAL

Huraian

Perkhidmatan yang disediakan merupakan penggerak utama yang membolehkan kerajaan memberikan nilai kepada pihak-pihak berkepentingan dan memudahkan hasil yang diinginkan. Program ini bertujuan agar perkhidmatan interaksi antara kerajaan dan pihak berkepentingan menjadi lebih mudah, mesra, telus dan efektif.

Output

- » Perkhidmatan utama boleh diakses pada bila-bila masa di mana-mana sahaja.
- » Kutipan hasil Kerajaan diuruskan secara digital

Wawasan 2035 Hasil yang diingini

- » Taraf kehidupan yang tinggi
- » Prasarana bertaraf dunia
- » Pertumbuhan yang tinggi

Wawasan 2035 Bidang Utama

- » Kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan awam
- » Kemudahan awam yang boleh diakses dan berkualiti tinggi
- » Produktiviti
- » Pelaburan

MELAKSANAKAN AKSES SEJAGAT UNTUK SISTEM KERAJAAN

Huraian

Identiti adalah suatu konsep dan mekanisme yang memaparkan keunikan dan sifat-sifat tertentu. Mempunyai identiti yang unik dan sejagat bagi setiap penduduk dan urusan, maka mudahlah mengakses pelbagai perkhidmatan kerajaan. Identiti yang diterima sejagat ini juga akan membolehkan kerajaan memperoleh pandangan holistik orang ramai dan urusan, membolehkan kerajaan menjangka keperluan dan syarat-syarat dengan lebih baik.

Output

- » Satu ID bagi setiap orang
- » Satu ID bagi setiap perniagaan
- » Perkhidmatan yang menerima satu ID

Wawasan 2035 Hasil yang diingini

- » Taraf kehidupan yang tinggi
- » Prasarana bertaraf dunia

Wawasan 2035 Bidang Utama

- » Kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan awam
- » Kemudahan awam yang boleh diakses dan berkualiti tinggi

MENGOPTIMUMKAN ASET DIGITAL

Huraian

Program ini akan memastikan semua pelaburan ICT digunakan sepenuhnya, dan pulangan pelaburan yang dijangka direalisasikan.

Untuk memastikan operasi kerajaan yang cekap, penting untuk kita terus menilai sama ada aset digital digunakan sepenuhnya dan mampu memenuhi objektif seperti yang dihasratkan. Program ini juga akan menilai semula penggunaan sistem yang sedia ada, dan mengambil tindakan yang bersesuaian jika perlu.

Output

» Memaksimumkan nilai aset digital yang sedia ada

Wawasan 2035 Hasil yang diingini

» Pertumbuhan yang tinggi

Wawasan 2035 Bidang Utama

» Produktiviti

MENINGKATKAN KEUPAYAAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Huraian

Program ini akan melaksanakan proses, alat dan keupayaan untuk menyelaras dan mengurus data yang dibuat, disimpan, dan diproses oleh kerajaan.

Jumlah data yang dihasilkan bertambah dengan pesat. Kerajaan akan lebih memahami status perniagaan, keberkesanan keputusan dan tindakan yang diambil melalui pengurusan kitaran hayat data dan maklumat yang lebih baik.

Output

» Proses, alat dan keupayaan untuk Pengurusan Maklumat Perniagaan

Wawasan 2035 Hasil yang diingini

» Taraf kehidupan yang tinggi
» Kadar pengangguran yang rendah
» Peruntukan peluang pendidikan yang berkualiti tinggi

Wawasan 2035 Bidang Utama

» Negara yang sihat
» Penciptaan Pekerjaan
» Mobiliti buruh
» Tahap penglibatan yang tinggi dalam bidang pendidikan

PENGHARGAAN

JABATAN PERDANA MENTERI

YM Awg Yahya bin Haji Idris (Ahli EGLF)
YM Dato Paduka Awg Haji Jamain bin Julaihi (Ahli EGLF)
YM Awg Adi Shamsul bin Haji Sabli (OGCIO)
YM Dyg Mazriyani binti Haji Abdul Ghani (CIO)
YM Dyg Hjh Rubiah binti Haji Othman (CTO)
YM Hjh Mariah binti Haji Taha
YM Haji Amirul Azuan bin Haji Ahmad
YM Dyg Rozianah Binti Haji Abdul Karim
YM Awg Zuwairi Bin Dato Paduka Haji Talib
YM Dyg Ong Pei Hsia

KEMENTERIAN PERTAHANAN

YM Datuk Paduka Dyg Hajah Suriyah binti Haji Umar (Ahli EGLF)
YM Awg Haji Azhar Bin Haji Ahmad
YM Mejah Haji Kamarul Ariffin bin Dato Paduka Haji Suni (CIO)
YM Mejah Caslindawati Binti Samil
YM Dyg Hasnidah binti Haji Mohd Hassan (CTO)

KEMENTERIAN KEWANGAN

YM Awg Haji Nazmi bin Haji Mohamad (Ahli EGLF)
YM Awg Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman (CIO)
YM Awg Haji Anifa Nazree bin Haji Abd Ghani (CTO)

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN

YM Dato Paduka Awg Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd Yussof (Ahli EGLF)
YM Dyg Hajah Noor Airah binti Haji Abd Rahman (CIO)
YM Awg Wali Vassco bin Muhammad Isa Taman (CTO)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

YM Dato Paduka Dr Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi (Ahli EGLF)
YM Dr Haji Awang Junaidi Bin Haji Abdul Rahman
YM Awg Zainal Abidin bin Haji Kepli (CIO)
YM Dyg Josephine Seah Bye Fong (CTO)
YM Awg Shahrizal Haji Emran

KEMENTERIAN KESIHATAN

YM Datuk Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil (Ahli EGLF)
YM Awg Abidin bin Haji Othman (CIO)
YM Awg Poh Seng Chong (CTO)

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

YM Awang Haji Mohd Lutfi bin Abdullah (Ahli EGLF)
YM Dr Hajah Norzamni binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Md Salleh (CIO)
YM Awg Ekhwan bin Dato Seri Setia Haji Abd Salam (CTO)

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

YM Awg Abd Mutualib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd Yusof (Ahli EGLF)
YM Md Riza Bin Dato Haji Md Yunos
YM Awg Zakaria bin Haji Md Ali (CIO)
YM Awg Haji Huzairi bin Haji Aji (CTO)

KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

YM Dyg Hajah Normah Suria Hayati bin Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri (Ahli EGLF)
YM Dyg Hajah Hasnah Binti Ibrahim
YM Awg Ramlee bin Haji Jamudin (CIO)
YM Awg Jamhali bin Yahya (CTO)

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

YM Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd Yussof (Ahli EGLF)
YM Awg Haji Zulkifli bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah (CIO)
YM Dyg Hajah Marinah binti Haji Mulok (CTO)

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

YM Dr Awg Haji Manaf bin Haji Metussin (Ahli EGLF)
YM Awg Haji Mohammad Abdoh Bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam
YM Pg Haji Mohiddin bin Pg Haji Badarudin (CIO)
YM Dyg Mazlina binti Haji Mohammad (CTO)

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

YM Dato Paduka Haji Mohd Hamid bin Haji Md Jaafar (Ahli EGLF)
YM Dato Paduka Dr. Haji Affendi Bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin
YM Awg Haji Noor Jusmin Bin Haji Abd Samad
YM Awg Haji Ahmad Baihaki bin Pehin Orang Kaya Di Gadong Seri Lela Dato Seri Utama Mohd Taha (CIO)
YM Dyg Hajah Annisah binti Haji Bahar (CTO)

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

YM Dyg Voon Oi Khiun (CIO)
YM Awg Mohamad Mastika Marhalim bin Haji Hashim (CTO)

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIFF ALI

YM Dr Fadzliwati binti Mohiddin (CIO)
YM Awg Haji Isa bin Haji Tahir (CTO)

INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI

YM Dr Hajah Zohrah Binti Haji Sulaiman (Vice-Chancellor)
YM Dyg Yeo Sy Mey (CIO)
YM Awg Koh Chun Hock (CTO)

KOLEJ UNIVERSITI PERGUAN UGAMA SERI BEGAWAN (KUPUSB)

YM Dr. Awg Haji Adam bin Haji Jait (CIO)
YM Awg Haji Danial bin Haji Ibrahim (CTO)

PUSAT INOVASI E-KERAJAAN (EGINC), UBD

YM Profesor Yun Bae Kim
YM Profesor Byeong Yun Chang
YM Dr. Hajah Syamimi binti Haji Md Ariff Lim
YM Dr. Annie Dayani binti Haji Ahad

PUSAT KEBANGSAAN
E-KERAJAAN (EGNC)

YM Awg Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Abdul Jalil (Pengarah EGNC)
YM Pg Dr. Adrian bin Pg Haji Salleh Ab Rahaman
YM Dyg Saniah binti Haji Sani
YM Dyg Hajah Ilyasuriani Dato Paduka Haji Hamdani
YM Awg Zainurrijal Haji Abdullah
YM Awg Rudy Haji Harun
YM Awg Haji Abdullah bin Datu Derma Wijaya Haji Tamit
YM Dyg Hajah Suryani Azminah Haji Mohd Jumin
YM Awg Haji Ibnu Khairinuddin Haji Awg Ibrahim
YM Dyg Siti Zurainah Haji Zainal Abidin
YM Dyg Amalina binti Mursidi
YM Awg Haji Jailani Khan bin Haji Dami
YM Dyg Tan Ai Hue
YM Awg Haji Abdul Haadi bin Haji Awang Thabit
YM Dk Siti Nuraini binti Pg Haji Tajudi
YM Awg Muhd Ruslan bin Haji Mahadi
YM Dyg Ashanti binti Haji Hamzah
YM Dyg Hidayatul Syukriah binti Haji Hairul Absah
YM Dyg Nur Qasdina binti Haji Omar
YM Dyg Shellen Koh Yi Tian
YM Dyg Nurhafizah binti Haji Abd Rahim
YM Dyg Sabrina binti Haji Ajak / Abd Razak
YM Awg Lim Wee Tat
Dan penyumbang lain

PERTUBUHAN
DATAANTARABANGSA ASIA
PACIFIC (IDC)

YM Awg Marcus Wong
YM Awg Brandon Chen
YM Awg Gerald Wang
YM Awg Victor Lim

INSTITUT PEMANGUNAN DAN
KAJIAN MAKLUMAT SETEMPAT
KOREA (KLID)

YM Awg Jongseok Choi

PENTERJEMAHAN DEWAN BAHASA
& PUSTAKA

Unit Penterjemah, Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Kebudayaan,
Belia & Sukan

IMEJ IHSAN DARIPADA:

YM Awg Nor Iswandi bin Hj Rajali
YM Dyg Raini binti Manyansin @ Mohamed Yassin
YM Awg Haji Abdul Haadi bin Haji Awang Thabit
YM Awg Mahyuddin bin Haji Berudin

